

16 SEP 2003

Kajian-PM

CETUSAN MINDA PERDANA MENTERI DIKAJI SECARA ILMIAH

BANDAR JENGKA, 16 Sept (Bernama) -- Cetusan minda Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dikaji secara ilmiah bermula pada sesi pengajian November tahun ini.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Datuk Seri Profesor Dr Ibrahim Abu Shah berkata, UiTM merupakan universiti pertama di negara ini yang menawarkan kursus ilmiah mengenai cetusan minda Dr Mahathir.

Sebagai permulaan, lebih 100,000 penuntut dari kesemua 14 kampus di seluruh negara akan diwajibkan mengikuti pengajian ko-kurikulum sebagai sebahagian daripada kursus itu.

"Kajian minda Dr Mahathir itu juga akan diperluaskan sebagai satu mata pelajaran wajib dalam bidang akademik bermula Mei tahun depan.

"Bagi tujuan ini, semua pensyarah disaran supaya memiliki dan membaca buku Minda Perdana Menteri bagi memudahkan pengajaran mereka nanti," katanya sewaktu berucap pada majlis penyerahan buku Minda Perdana Menteri kepada Timbalan Menteri Besar Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak di UiTM cawangan Pahang di sini, hari ini.

Buku itu merupakan koleksi ucapan, idea, buah fikiran dan pendapat Perdana Menteri yang dikumpul oleh UiTM sebagai menghargai jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada negara.

Menurut Dr Ibrahim, semua penuntut dan tenaga kerja UiTM wajar memiliki buku itu kerana ia amat berguna untuk pembangunan bangsa, negara serta pembentukan jati diri yang bermaruah.

"Buku ini dapat kita jadikan panduan yang amat berguna dalam merencana masa hadapan, khususnya bagi penuntut-penuntut UiTM yang bakal bergelar pemimpin satu hari nanti. Kepimpinan Perdana Menteri telah terbukti dan ia wajar dijadikan contoh dan tauladan yang amat penting," katanya.

-- BERNAMA

HAM SOP PR